

SIARAN AKHBAR
13 Disember 2017

EKUINAS MEMASUKI SEKTOR PENGELUARAN DENGAN PEROLEHAN BERNILAI RM255.0 JUTA UNTUK PENGELUAR LAMPU TEMPATAN, DAVEX

Fakta Utama: -

- Ekuinas memperoleh kepentingan 100% dalam Davex (Malaysia) Sdn Bhd (Davex), syarikat reka bentuk, perundingan dan pengeluaran lampu tempatan pada nilai RM255.0 juta. Pelaburan ini menandakan penglibatan sulung Ekuinas ke dalam industri pengeluaran pencahayaan luminair untuk memanfaatkan permintaan yang semakin meningkat untuk lampu luminair di rantau ini.
- Davex menyediakan kelengkapan pencahayaan menyeluruh, dengan tenaga pakar reka bentuk dalaman yang berdedikasi dan menyediakan integrasi teknologi yang luas membolehkannya menjadi salah satu pelopor pasaran di Singapura dan Australia.
- Selaras dengan mandat untuk mewujudkan syarikat peneraju pasaran, Ekuinas menyokong syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi untuk mengukuhkan kedudukan Davex di Malaysia dan memperluaskan pasarannya di rantau ini.

KUALA LUMPUR, 13 DISEMBER 2017: Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, membuat pelaburan terbesarnya dalam sektor perkilangan berikutnya pengambilalihan 100% kepentingan dalam Davex (Malaysia) Sdn Bhd (Davex), syarikat reka bentuk, perundingan dan pengeluar lampu tempatan, pada nilai RM255.0 juta.

Davex mengeluarkan produknya sendiri di bawah jenama Davis Lighting dan keutamaannya adalah dalam segmen luminair dalam pasaran pencahayaan. Tenaga pakar Davex merekabentuk lampu luminair dengan penuh teliti dan mengintegrasikan sumber cahaya dengan gear kawalan untuk membentuk kelengkapan cahaya yang mematuhi spesifikasi yang diperlukan oleh pengguna. Davex, yang berpangkalan di Pulau Pinang, diasaskan pada tahun 1983. Syarikat tersebut menyediakan kelengkapan pencahayaan menyeluruh untuk pelanggan komersil, perindustrian dan kediaman dan mempunya tapak yang kukuh di Singapore and Australia, selain pasaran domestik.

Davex mempunyai tenaga pakar dalaman reka bentuk yang berdedikasi dan keupayaan integrasi teknologi inovatif yang meletakkan mereka sebagai salah satu pemimpin pasaran di rantau ini setelah membekalkan produk untuk projek berskala besar seperti Menara Berkembar Petronas, Pusat Perubatan Sunway, Lapangan Terbang Changi dan Program Perumahan Awam di Singapura dan John Curtin School of Medical Research dan gedung-gedung Big W di Australia.

Mengulas tentang pelaburan itu, Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata "Ekuinas teruja untuk memasuki segmen pencahayaan luminair melalui Davex, peneraju pasaran serantau yang bertapak di Malaysia dan telah menerangi projek-projek terkenal di rantau ini, termasuk Menara Berkembar Petronas. Pelaburan ini menandakan kemasukan Ekuinas ke dalam sektor pengeluaran, tepat pada masanya kerana permintaan untuk lampu luminair, terutama model cekap tenaga, semakin pesat."

Pertumbuhan ekonomi rantau ini mendorong permintaan dari pemaju harta tanah dan infrastruktur, digabungkan dengan pasaran luminair Malaysia yang dijangka berkembang kepada USD882.0 juta menjelang tahun 2020. Selain itu, inovasi cekap tenaga akan mendorong pemaju untuk menggunakan kelengkapan pencahayaan cekap tenaga untuk projek utama serantau, yang dijangka akan memacu permintaan untuk kelengkapan cahaya. Selaras dengan perkembangan industri yang sedang mengalami perubahan dari penggunaan pencahayaan konvensional kepada LED cekap tenaga, Davex berada di kedudukan yang tepat untuk memanfaatkan permintaan yang meningkat untuk kelengkapan pencahayaan cekap tenaga.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir berkata, "Ekuinas akan memanfaatkan kekuatan Davex untuk mencapai pelan penciptaan nilai yang telah kami aturkan untuk mengembangkan pertumbuhan kasar disamping meningkatkan kehadirannya di Malaysia dan rantau ini, serta memperkemas sistem dan integrasi proses dengan tujuan meningkatkan ekuiti jenama. "

"Kami akan bekerjasama rapat dengan pihak pengurusan Davex untuk mencapai dan memantaskan pertumbuhan tempatan dan serantau dengan mencontohi kejayaan Davex di Singapura dan Australia, dan untuk mengembangkan kemudahan perkilangannya di Pulau Pinang. Kami yakin apabila syarikat berkembang, peluang pekerjaan juga akan meningkat untuk semua rakyat Malaysia" katanya.

Pengarah Urusan Kumpulan Davex, Yap Chung San berkata, pemerolehan oleh Ekuinas merupakan peristiwa penting bagi syarikat itu. "Kami berharap usahasama dengan Ekuinas akan membawa Davex ke fasa seterusnya. Dengan kepakaran dan rekod prestasi Ekuinas dalam mengembangi syarikat di Malaysia, kami yakin Davex berada di tempat yang baik. "

Pemerolehan ini merupakan pelaburan terbesar Ekuinas dalam sektor pengeluaran setakat ini. Sejak penubuhannya pada tahun 2009, Ekuinas telah melabur dalam 54 syarikat di bawah pelaburan langsung dan penyumberan luar dengan jumlah komitmen modal melebihi RM3.0 bilion. Ekuinas mencatatkan prestasi yang kukuh tahun lepas dengan menutup tahun 2016 dengan positif Ekuinas Direct (Tranche I) Fund mencatatkan Pulangan Kasar Portfolio RM466.4 juta, pada Kadar Pulangan Dalaman (IRR) tahunan kasar sebanyak 13.1% dan IRR tahunan bersih sebanyak 9.4%. Dana kedua, Ekuinas Direct (Tranche II) Fund mencatatkan Pulangan Portfolio Kasar sebanyak RM331.6 juta pada IRR tahunan kasar sebanyak 18.1% dan IRR tahunan bersih sebanyak 12.7%.

-Tamat-

Mengenai Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Berbekalkan peruntukan RM5 bilion daripada Kerajaan, Ekuinas berhasrat melahirkan syarikat terkemuka generasi baru di Malaysia sambil menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama, berkesan dan berdaya maju. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam bidang barang pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan, runcit, makanan dan minuman serta penjagaan kesihatan.

Mengenai Davex

Ditubuhkan di Malaysia pada tahun 1983, Davex (Malaysia) Sdn Bhd menyediakan kelengkapan pencahayaan menyeluruh, dengan tenaga pakar reka bentuk dalaman yang berdedikasi dan menyediakan integrasi teknologi yang luas membolehkannya menjadi salah satu pelopor pasaran di rantau ini. Syarikat ini mengedarkan produk di bawah jenama Davis Lighting dan mengendalikan kemudahan pembuatan dan pengujian 140,000 kaki persegi di Pulau Pinang.

Hubungan Media

Sunita Kanapathy, Ogilvy Public Relations KL, sunita.kanapathy@ogilvy.com 012-226 1216